JABATAN PENDAFTAR
*Department of Registrar*
إدارة المسجل العام

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU KESELAMATAN

| | | |
|---|---|---|
| **Skim Lantikan** | **:** | **Skim Lantikan Khas Universiti (SLaK3.0) Universiti Sains Islam Malaysia** |
| **Skim Perkhidmatan** | : | Pegawai Pentadbiran |
| **Jawatan** | : | Pembantu Keselamatan |
| **Imbuhan** | : | Gred 1 – RM2,000.00 sebulan |
| **Syarat Lantikan** | : | 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>a. warganegara Malaysia;<br>b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br>c.<br>(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br>(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.<br>(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.<br>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sjil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>dan<br>d.<br>(i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53 bagi Wanita tanpa bersepatu; |

| | | |
|---|---|---|
| | | (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi Wanita;<br><br>(iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;<br><br>(iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);<br><br>(v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;<br><br>(vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan<br><br>(vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar. |
| **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **Taraf Jawatan** | : | *Contact of Service* SLaK3.0 |
| **Ringkasan Tugas** | : | Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298) dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa (Kekosongan empat (4) jawatan). |
| **Tarikh Tutup Permohonan** | : | **28 Januari 2025** |